**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**CAWANGAN NEGERI SARAWAK**
Tingkat 10, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93728 Kuching Sarawak

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

Tel: 082-245233
Faks: 082-254068
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

Rujukan Kami : SKM/SWK/(IP)/AUDIT/2928/(21 )
Tarikh : 22 JUN 2023

Setiausaha
Koperasi Peserta Felcra Kawasan Saratok Berhad
d/a: Felcra Berhad Kawasan Saratok,
Sub Lot 19, Lot 522, 1st Floor Jalan Feeder,
Peti Surat 57, 95407 Saratok,
Sarawak.

Tuan,

**PENYATA KEWANGAN BERAUDIT DAN LAPORAN PENGURUSAN JURUAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, bersama ini dimajukan penyata kewangan beraudit dan laporan pengurusan juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 yang telah diaudit oleh juruaudit Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

3. Sila pihak tuan buat pembayaran Fi Audit sebanyak **RM 1,400.00** kepada pejabat kami sebaik sahaja menerima Penyata Kewangan. Bayaran secara cek atau wang pos hendaklah dibuat atas nama **Kumpulan Wang Operasi SKM** dalam tempoh **14 hari** dari tarikh surat diterima.

4. Bersama ini dikepilkan **Borang Kajian Kepuasan Pelanggan** untuk tindakan tuan dan sila kembalikan kepada Suruhanjaya apabila telah dipenuhi.

Sekian Terima Kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah

**(JIHES AK SIMIS)**
b/p: Ketua Bahagian Audit
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Negeri Sarawak.

s.k. Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Sarawak
Penolong Pengarah Bahagian SKM Bahagian Sri Aman
Penolong Ehwal Ekonomi, SKM Daerah Saratok

SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia
(Agensi Di Bawah KPDNKK)

# PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

## KOPERASI PESERTA FELCRA KAWASAN SARATOK BERHAD

---

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**BAHAGIAN AUDIT KOPERASI**
Tingkat 10, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga, Peti Surat 1368,
93728 Kuching, Sarawak.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**CAWANGAN NEGERI SARAWAK**
Tingkat 10, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93728 Kuching Sarawak

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

Tel: 082-245233
Faks: 082-254068
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

Ruj. Kami : SKM/SWK/(IP)/AUDIT/2928/(٢٠)
Tarikh : 22 JUN 2023

Suruhanjaya Koperasi Malaysia,

Anggota-anggota Lembaga,
**Koperasi Peserta Felcra Kawasan Saratok Berhad**
d/a Felcra Berhad Kawasan Saratok,
Sub Lot 19, Lot 522, 1st Floor, Jalan Feeder,
Peti Surat 57, 95407 Saratok,
**Sarawak.**

Tuan,

**LAPORAN PENGURUSAN JURUAUDIT KE ATAS KOPERASI PESERTA FELCRA KAWASAN SARATOK BERHAD.**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kami telah selesai menjalankan kerja-kerja pengauditan ke atas akaun-akaun **Koperasi Peserta Felcra Kawasan Saratok Berhad** bagi tahun kewangan berakhir **31 Disember 2022**.

2. Dalam menjalankan proses pengauditan, kami telah memeriksa dan menyemak beberapa aspek sistem kawalan dalaman dan perakaunan koperasi yang menjadi sebahagian daripada prosedur-prosedur biasa pengauditan.

3. Daripada pemeriksaan-pemeriksaan dan pemerhatian yang dijalankan, kami ingin memaklumkan penemuan-penemuan kami mengenai sistem kawalan dalaman dan perakaunan koperasi. Walau bagaimanapun, penemuan-penemuan yang diperoleh tidak boleh dianggap menyeluruh atau meliputi kesemua aspek sistem kawalan dalaman dan perakaunan koperasi disebabkan kerja-kerja pengauditan yang dijalankan hanyalah berdasarkan kepada sampel-sampel yang dipilih sahaja.

| Bil. | Penemuan-Penemuan | Cadangan-Cadangan |
|---|---|---|
| 1 | **Undang-Undang Kecil Koperasi**<br><br>Pematuhan arahan pindaan keseluruhan Undang-Undang Kecil (UUK) Koperasi selaras pindaan Akta Koperasi (Pindaan) 2021. | Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah meminda Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan telah berkuatkuasa serta diwartakan pada 1 April 2021. Selaras dengan pindaan Akta 502 tersebut, Bahagian Statutori Dan Pendaftaran SKM telah memutuskan supaya semua koperasi yang berdaftar sebelum **1 April 2021** meminda UUK keseluruhan koperasi masing-masing. |
| 2 | **Akaun Deposit Koperasi (ADK)**<br><br>Pematuhan arahan mendepositkan ke Akaun Deposit Koperasi. | Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mengeluarkan Arahan Umum Bilangan 2 Tahun 2019 yang mengarahkan semua koperasi berdaftar mendepositkan Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) sepertimana yang dinyatakan dalam arahan pemindahan kepada Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori yang sedang dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya. Oleh itu, pihak koperasi disarankan memasukkan sejumlah wang ke dalam **Coop Bank Pertama** (CBP) yang mana telah dilantik oleh Suruhanjaya sebagai pengurus Akaun Deposit selaras dengan kehendak Seksyen 57 (1)(e) Akta Koperasi 1993. Koperasi bolej merujuk GP29: Garis Panduan Pelaksanaan Akaun Deposit Koperasi. |

| Bil. | Penemuan-Penemuan | Cadangan-Cadangan |
|---|---|---|
| 3 | **Buku Daftar Aset**<br><br>Didapati buku daftar aset tidak disenggarakan serta dikemaskini. | Koperasi dinasihatkan agar sentiasa menyelenggara bagi merekod semua aset yang dimiliki. Buku daftar aset mengandungi seperti perkara seperti berikut;<br>a) Jenis Aset<br>b) Tarikh Pembelian<br>c) Nilai Kos Belian<br>d) Nombor Siri<br>e) Kaedah Susutnilai<br>f) Tarikh Jualan dan;<br>g) Lokasi |
| 4 | **Penghutang Perdagangan**<br><br>Didapati Koperasi tidak menghantar invois dan penyata sewaan secara bulanan atau suku tahunan kepada penyewa. | Invois dan penyata sewaan hendaklah dihantar kepada penyewa secara bulanan atau suku tahunan. |
| 5 | **Pelbagai Penghutang**<br><br>Semakan mendapati koperasi tidak membuat pengesahan deposit api serta air. Selain itu, koperasi juga tidak melakukan sebarang pengesahan ini pada tahun-tahun sebelumnya. Oleh itu, gambaran menyeluruh terhadap kesahihan baki akaun-akaun tersebut tidak dapat diberikan. | Koperasi hendaklah menjalankan prosedur pengesahan baki deposit setiap tahun kewangan berakhir agar dapat memberi gambaran yang menyeluruh berkaitan kesahihan baki tersebut. |

| Bil. | Penemuan-Penemuan | Cadangan-Cadangan |
|---|---|---|
| 6 | **Wang Tunai Di Tangan**<br><br>Wang tunai ditangan masih pada tahap tinggi dengan baki akhir sebanyak RM6,212.70. | Pihak pengurusan koperasi dinasihatkan untuk tidak menyimpan wang tunai di tangan dalam jumlah yang besar memandangkan wang tunai merupakan aset cair berisiko tinggi terhadap kehilangan, penyelewangan dan kecurian. Koperasi juga dinasihatkan untuk menyimpan ke dalam bank semua wang yang diterima dalam tempoh 24 jam atau menyimpan di dalam akaun wang runcit sejumlah wang yang diluluskan oleh Lembaga bagi memenuhi perbelanjaan dan diganti seberapa kerap yang perlu selaras dengan kehendak perenggan 52(1)(c)&(e), Undang-Undang Kecil. |
| 7 | **Fi Audit Suruhanjaya**<br><br>Didapati ada tunggakan Fi Audit Suruhanjaya sebanyak RM1,700.00 yang tidak dijelaskan. | Koperasi dinasihatkan agar menjelaskan tunggakan fi audit tersebut dengan kadar segera. |
| 8 | **Dividen Anggota**<br><br>Dividen anggota berjumlah RM32,280.50 masih belum dijelaskan. | Koperasi dinasihatkan agar menjelaskan dividen anggota kerana akaun tertakluk kepada Akta Wang Tidak Dituntut 1965. Walaubagaimanapun, kelulusan daripada Mesyuarat Agung Tahunan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum pembayaran dibuat sepertimana kehendak subseksyen 57(5)(b), Akta Koperasi 1993. |

| Bil. | Penemuan-Penemuan | Cadangan-Cadangan |
|---|---|---|
| 9 | **Aturan Kumpulan Wang/Tabung**<br><br>Didapati Kumpulan Wang / Tabung Latihan dan Kebajikan tidak mempunyai aturan. Aturan kumpulan wang / tabung ini penting bagi mengawal perjalanan aktiviti dan menentukan sumber kewangan kumpulan wang / tabung. | <br><br>Koperasi hendaklah menentukan aturan kumpulan wang / tabung serta membentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan untuk kelulusan sebagimana kehendak Undang-Undang Kecil perenggan 52(1)(i). Pihak koperasi adalah tidak dibenarkan mewujudkan sebarang kumpulan wang / tabung yang ada berkaitan dengan kos operasi perniagaan atau aktiviti koperasi seperti Kumpulan Wang / Tabung Rosotnilai Pelaburan atau Mesyuarat Agung. Pewujudan Kumpulan Wang / Tabung ini adalah tidak selaras dengan seksyen 56 dan subseksyen 57(5), Akta Koperasi 1993.Koperasi hendaklah menentukan aturan kumpulan wang / tabung serta membentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan untuk kelulusan sebagimana kehendak Undang-Undang Kecil perenggan 58(3). |

Sekian, terima kasih.

**‘MALAYSIA MADANI’**
**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

Saya yang menjalankan amanah,

**( JIHES ANAK SIMIS )**
b.p. Pengarah Audit Koperasi,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

s.k. Pengarah,Suruhanjaya Koperasi Malaysia,Negeri Sarawak
Penolong Pengarah Bahagian, SKM Bahagian Sri Aman
Penolong Ehwal Ekonomi, SKM Daerah Saratok

**LAPORAN JURUAUDIT**

**KE ATAS PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Kepada

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia**

Anggota-anggota

**Koperasi Peserta Felcra Kawasan Saratok Berhad**

d/a Felcra Berhad Kawasan Saratok,
Sub Lot 19, Lot 522, 1st Floor, Jalan Feeder,
Peti Surat 57, 95407 Saratok,
**Sarawak.**

Tuan,

## Laporan atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan **Koperasi Peserta Felcra Kawasan Saratok Berhad** yang mengandungi Kunci Kira-Kira pada **31 Disember 2022**, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir **31 Disember 2022** dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota keterangan seperti yang dibentangkan bersama.

## Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Koperasi 1993. Tanggungjawab ini termasuk merangka, melaksanakan dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang material sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, pemilihan dan penggunaan dasar-dasar perakaunan yang bersesuaian dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

## Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan ini berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan. Kami melaksanakan pengauditan menurut piawaian-piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut menghendaki kami mematuhi etika dan merancang serta menjalankan kerja-kerja audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang material.

Sesuatu audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah-jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko salah nyata yang material ke atas penyata kewangan sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami mempertimbangkan kawalan dalaman koperasi yang berkaitan dengan penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan bagi merangka prosedur-prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan bertujuan untuk memberikan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman koperasi. Sesuatu audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh anggota lembaga koperasi dan juga penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh memberikan asas yang wajar bagi pendapat kami.

**Asas untuk Pendapat Bersyarat**

i. Pihak Koperasi tidak mematuhi kehendak seksyen 58(3) Akta Koperasi 1993, dimana koperasi hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin tetapi tidak lewat daripada dua bulan selepas tamat tahun kewangan menyediakan akaun perdagangan, akaun untung rugi dank unci kira-kira beserta dokumen-dokumen lain untuk tujuan pengauditan

ii. Didapati wang tunai di tangan bendahari sebanyak RM6,212.70 adalah terlalu tinggi. Perkara ini adalah tidak sejajar dengan kehendak Undang-Undang Kecil 52(1)(c)&(e).

iii. Kedudukan baki inventori akhir berjumlah RM12,653.97 yang terdapat pada kunci kira-kira adalah pengesahan yang disahkan oleh pihak lembaga koperasi. Juruaudit tidak hadir semasa kiraan inventori akhir yang dijalankan oleh pihak koperasi. Oleh yang demikian pihak kami tidak dapat menentukan kesahihan inventori akhir tersebut.

**Pendapat Bersyarat**

Pada pendapat kami, kecuali kesan pada penyata kewangan seperti yang diterangkan dalam para Asas untuk Pendapat Bersyarat, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Koperasi 1993 bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan koperasi pada **31 Disember 2022** dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

**Laporan ke atas Lain-lain Keperluan Perundangan dan Peraturan**

Mengikut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami kecuali kesan pada penyata kewangan seperti yang diterangkan dalam para Asas untuk Pendapat Bersyarat:

(a) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain tidak disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.

(b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh koperasi dalam tahun kewangan berakhir **31 Disember 2022** adalah tidak mengikut kehendak Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi.

(c) kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas koperasi adalah munasabah.

**Perkara-Perkara Lain**

Laporan ini disediakan hanya untuk Suruhanjaya, anggota-anggota koperasi, sebagai sebuah badan, mengikut kehendak Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain ke atas kandungan laporan ini.

**( JIHES ANAK SIMIS )**
b.p. Pengarah Audit Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Tarikh: 22 JUN 2023

**KOPERASI PESERTA FELCRA KAWASAN SARATOK BERHAD**
**KUNCI KIRA-KIRA**
**PADA 31 DISEMBER 2022**

| | NOTA | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | |
| ***Harta Tanah, Loji Dan Peralatan*** | **5** | | |
| Bangunan | | 860,870.34 | 886,848.28 |
| Komputer | | 3,271.00 | 4,906.00 |
| Aset-aset Lain | | 107,437.24 | 136,432.31 |
| | | **971,578.58** | **1,028,186.59** |
| Aset Geran / Bantuan | **6** | 13,055.68 | 14,576.73 |
| Pelaburan Dalam Syer Tak Siarharga | **7** | 10,000.00 | 10,000.00 |
| | | **23,055.68** | **24,576.73** |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Inventori | **8** | 12,653.97 | 11,290.97 |
| Penghutang Perdagangan | **9** | 31,957.38 | 100,426.63 |
| Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori | **10** | 13,624.55 | 50,532.31 |
| Pelbagai Penghutang | **11** | 22,731.00 | 13,000.00 |
| Wang Di Bank | **12** | 105,064.85 | 3,592.09 |
| Wang Di Tangan | **13** | 6,212.70 | 3,393.30 |
| | | **192,244.45** | **182,235.30** |
| **JUMLAH ASET** | | **1,186,878.71** | **1,234,998.62** |
| **DIBIAYAI OLEH :** | | | |
| Modal Syer Anggota | **14** | 448,705.00 | 448,705.00 |
| Lain-lain Kumpulan Wang/Tabung/Rizab Anggota | **15** | 25,517.10 | 37,000.00 |
| Akaun Untung Rugi Terkumpul | | 37,464.62 | 35,023.22 |
| **KUMPULAN WANG ANGGOTA** | | **511,686.72** | **520,728.22** |
| Kumpulan Wang Rizab Statutori | **16** | 86,217.85 | 85,787.02 |
| Geran/Bantuan | **17** | 85,055.68 | 14,576.73 |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | |
| ***Pinjaman Jangka Panjang*** | | | |
| Pinjaman Dari SKM | **18** | 409,080.44 | 462,987.96 |
| | | **580,353.97** | **563,351.71** |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Pemiutang Perdagangan | **19** | - | 60,997.21 |
| ***Pinjaman Luar Matang Dalam 12 Bulan*** | | | |
| Pinjaman Dari SKM *(J.Pendek)* | **18** | 53,907.52 | 52,840.98 |
| Fi Audit Suruhanjaya | **20** | 3,100.00 | 4,800.00 |
| Dividen | **21** | 32,280.50 | 32,280.50 |
| Pelbagai Pemiutang | **22** | 5,550.00 | - |
| | | **94,838.02** | **150,918.69** |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | **1,186,878.71** | **1,234,998.62** |

**Nota-nota beserta dengan akaun ini adalah sebahagian daripada akaun dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.**

**KOPERASI PESERTA FELCRA KAWASAN SARATOK BERHAD**
**AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| | NOTA | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|---|
| Untung / (Rugi) Bersih Tahun Semasa | | 2,872.23 | (50,432.53) |
| Campur / (Tolak) : Pelarasan Operasi | **33** | - | (30,175.83) |
| Untung / (Rugi) Bersih Selepas Pelarasan Operasi | | 2,872.23 | (80,608.36) |
| Untung / (Rugi) Bersih Selepas Kerugian Terkumpul | | 2,872.23 | (80,608.36) |
| **Tolak : Pembahagian berkanun** | | | |
| Kumpulan Wang Rizab Statutori | **16** | 430.83 | - |
| | | 430.83 | - |
| Untung / (Rugi) Selepas Pembahagian Berkanun | | 2,441.40 | (80,608.36) |
| Campur / (Tolak) : Pelarasan Bukan Operasi | **34** | - | 18,995.03 |
| | | 2,441.40 | (61,613.33) |
| Keuntungan Terkumpul Pada Awal Tahun | | 35,023.22 | 96,636.55 |
| **Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul Pada Akhir Tahun** | | **37,464.62** | **35,023.22** |

**Nota-nota beserta dengan akaun ini adalah sebahagian daripada akaun dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.**

**KOPERASI PESERTA FELCRA KAWASAN SARATOK BERHAD**
**AKAUN UNTUNG RUGI**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| | NOTA | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| **Pendapatan dari aktiviti :** | | | |
| Kontrak | 23 | 892,463.32 | 632,281.65 |
| Pengangkutan | 24 | 73,940.00 | 61,500.00 |
| Perkhidmatan | 25 | 12,422.00 | 17,841.75 |
| Pelaburan | 26 | 1,783.04 | 1,847.57 |
| Aktiviti Pengguna Lain* | 27 | 1,023,512.95 | 430,480.84 |
| | | 2,004,121.31 | 1,143,951.81 |
| Pendapatan Am - Senarai Seperti Dilampiran | 28 | 28,521.05 | 53,921.05 |
| | | **2,032,642.36** | **1,197,872.86** |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| **Kos Jualan/Kos Aktiviti :** | | | |
| Kontrak | 23 | 812,710.16 | 598,256.86 |
| Pengangkutan | 24 | 71,390.00 | 59,250.00 |
| Perkhidmatan | 25 | 2,013.50 | 873.65 |
| Aktiviti Pengguna Lain | 27 | 927,706.38 | 422,108.14 |
| | | 1,813,820.04 | 1,080,488.65 |
| ***Perbelanjaan Am :*** | | | |
| Fi Audit Suruhanjaya | 20 | 1,400.00 | 1,400.00 |
| Perbelanjaan Lembaga | 29 | 14,450.00 | 1,850.00 |
| Kos Pembiayaan / Pinjaman | 18 | 9,833.94 | 5,310.31 |
| Susutnilai Aset | 5 | 58,129.06 | 58,136.06 |
| Belanja Mesyuarat Agung | 30 | 9,850.00 | 9,836.20 |
| Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan | 31 | 56,975.25 | 63,798.20 |
| Pelbagai Perbelanjaan - Senarai Seperti Dilampiran | 32 | 65,311.84 | 27,485.97 |
| | | 2,029,770.13 | 1,248,305.39 |
| Keuntungan / (Kerugian) daripada aktiviti biasa | | **2,872.23** | **(50,432.53)** |
| **Keuntungan/(kerugian) bersih dipindahkan ke Akaun Pembahagian Keuntungan** | | **2,872.23** | **(50,432.53)** |

**Nota-nota beserta dengan akaun ini adalah sebahagian daripada akaun dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.**

# KOPERASI PESERTA FELCRA KAWASAN SARATOK BERHAD
## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

| | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI:** | | |
| Keuntungan bersih sebelum cukai | 2,872.23 | (50,432.53) |
| **Pelarasan Untuk:** | | |
| Susut nilai aset tetap | 58,129.06 | 58,136.06 |
| Pelarasan Operasi | - | (30,175.83) |
| Belanja faedah | 9,833.94 | - |
| Pelunasan Aset Geran | (1,521.05) | (1,521.05) |
| Untung operasi sebelum perubahan modal kerja | 69,314.18 | (23,993.35) |
| (Tambahan)/Kurangan Inventori | (1,363.00) | (3,341.02) |
| (Tambahan)/Kurangan Penghutang Perdagangan | 68,469.25 | (74,050.23) |
| (Tambahan)/Kurangan Pelbagai Penghutang | (9,731.00) | (5,000.00) |
| (Tambahan)/Kurangan Pelbagai Pemiutang | 4,050.00 | (7,590.00) |
| Tambahan/(Kurangan) Pemiutang Perdagangan | (59,497.21) | 58,507.21 |
| Tambahan/(Kurangan) Fi Audit Suruhanjaya | (1,700.00) | 1,400.00 |
| Tunai diperoleh daripada operasi | 69,542.22 | (54,067.39) |
| Faedah dibayar | (9,833.94) | - |
| Tunai bersih daripada aktiviti operasi | 59,708.28 | (54,067.39) |
| **ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN:** | | |
| Lain-lain Kumpulan Wang/Tabung | (11,482.90) | - |
| Tunai untuk bayaran berkanun dan agihan | (11,482.90) | - |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN:** | | |
| Faedah diterima | - | 1,870.97 |
| Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan | - | 1,870.97 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN:** | | |
| Bayaran pembiayaan/pinjaman luar | (52,840.98) | (26,027.15) |
| Terimaan geran bantuan | 72,000.00 | - |
| Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan | 19,159.02 | (26,027.15) |
| **Lebihan/Kurangan tunai dan setara tunai** | 67,384.40 | (78,223.57) |
| Tunai dan setara tunai pada awal tahun | 57,517.70 | 135,741.27 |
| **Tunai dan setara tunai pada akhir tahun** | **124,902.10** | **57,517.70** |

**Tunai dan setara tunai pada akhir tahun diwakili oleh :**

| | | |
|---|---|---|
| Deposit Tetap | 13,624.55 | 50,532.31 |
| Wang di Bank | 105,064.85 | 3,592.09 |
| Wang di Tangan | 6,212.70 | 3,393.30 |
| | **124,902.10** | **57,517.70** |

**KOPERASI PESERTA FELCRA KAWASAN SARATOK BERHAD**
*(Didaftarkan Di Malaysia Di Bawah Akta Koperasi 1993)*
**POLISI DAN NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

## NOTA 1 : MAKLUMAT KORPORAT

i. Fungsi utama koperasi ialah pengguna. Koperasi menjalankan aktiviti-aktiviti kontrak di Ladang Felcra, perkhidmatan restoran dan laundry serta sewaan

ii. Koperasi ini diperbadankan dibawah Akta Koperasi 1993 dan beroperasi di daerah Saratok, Sarawak.

iii. Alamat berdaftar koperasi adalah d/a Felcra Berhad Kawasan Saratok, Sublot 19, Lot 522, 1st Floor, Jalan Feeder, Peti Surat 57, 95407 Saratok, Sarawak.

iv. Koperasi mempunyai 11 orang kakitangan tetap.

## NOTA 2 : TARIKH PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan koperasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 disahkan oleh Lembaga Koperasi pada...22 JUN 2023

## NOTA 3 : POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Dasar pengurusan risiko kewangan koperasi memastikan bahawa sumber kewangan yang mencukupi adalah tersedia untuk pembangunan perniagaan koperasi di samping menguruskan risikonya. Koperasi beroperasi mengikut garis panduan yang tetap dan jelas yang telah diluluskan oleh Anggota Lembaga dan polisi koperasi untuk tidak melibatkan sebarang urusniaga yang berasaskan spekulasi. Polisi - polisi di bawah adalah dilaksanakan untuk memberi kaedah - kaedah yang berkesan untuk mengurangkan risiko kewangan ke atas koperasi.

### a) Risiko Kadar Faedah

Pinjaman dan simpanan tetap koperasi terdedah kepada risiko kadar faedah. Objektif mempelbagaikan kadar faedah pinjaman ialah untuk mengurangkan kesan kenaikan kadar faedah sementara membolehkan koperasi memperoleh faedah daripada kejatuhan kadar faedah. Pada tarikh kunci kira-kira, koperasi tidak mempunyai risiko kadar faedah yang ketara.

### b) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah potensi kerugian berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungan untuk memenuhi obligasi mereka. Koperasi telah mengamalkan polisi yang hanya berurusan dengan mereka yang mempunyai rekod kredit yang baik serta mendapatkan cagaran yang mencukupi atau jaminan lain yang sesuai sebagai satu cara bagi mengurangkan risiko kerugian kewangan akibat dari kemungkinan perlanggaran. Penghutang perdagangan dikawal secara berterusan melalui prosedur pengurusan rekod koperasi.

**c) Risiko Pasaran**

Risiko pasaran ialah potensi kerugian yang timbul bagi kedudukan koperasi akibat daripada perubahan yang merugikan dalam paras harga pasaran. Risiko ini diawasi dengan meletakan had pelaburan dalam saham siar harga kepada peratusan tertentu terhadap aset koperasi.

**d) Risiko Kecairan**

Koperasi memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi bagi memenuhi liabiliti mereka dan secara kos efektif dengan mempelbagaikan sumber pembiayaan dan menjadualkan pembayaran hutang kepada beberapa peringkat kematangan.

Objektif untuk kematangan hutang ialah untuk memastikan amaun yang matang di dalam sesuatu tahun tidak melebihi daripada kebolehan koperasi untuk membayar atau melalui pembiayaan semula.

**NOTA 4 : DASAR- DASAR PERAKAUNAN**

**a) Asas-asas Perakaunan**

Penyata kewangan telah disediakan menurut konvensyen kos asal kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam lain-lain dasar-dasar penting perakaunan.

Penyata kewangan disediakan dengan andaian bahawa kegiatan koperasi adalah berterusan. Penyata kewangan koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, Garis Panduan, Undang-undang Kecil Koperasi serta mengikut piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

**b) Fi Masuk**

i. Fi masuk dikreditkan ke Akaun Untung Rugi sebagai pendapatan koperasi seperti kehendak fasal 4, Undang-undang Kecil 13.

**c) Harta Tanah, Loji, Peralatan Dan Susutnilai**

**Pengiktirafan dan pengukuran**

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos atau pada harga penilaian ditolak susutnilai terkumpul dan/atau kerugian kejejasan terkumpul.

**Susutnilai**

Susutnilai tidak diperuntukkan atas tanah milik bebas. Tanah pegang pajak disusutnilai berdasarkan tempoh pajakan. Hartanah, loji dan peralatan yang lain adalah disusutnilaikan mengikut jangka hayat penggunaannya dengan menggunakan kaedah Garis Lurus untuk menghapuskira kos aset tersebut.

Kadar susutnilai yang digunakan sekarang adalah seperti berikut ;-

| | |
|---|---|
| Bangunan | 2-5% |
| Komputer | 20% |
| Aset-Aset Lain | 20% |

**d) Penjejasan Aset**

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, koperasi menyemak nilai bawaan aset selain inventori bagi menentukan sama ada terdapatnya tanda bahawa nilai aset mungkin merosot. Sekiranya wujud tanda tersebut, kemerosotan nilai aset akan diukur semula dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan nilai yang boleh diperoleh semula. Nilai boleh diperoleh adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai jualan aset atau nilai penggunaannya di mana ia dikira berdasarkan aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dengan serta merta kecuali aset tersebut dinyatakan pada nilai penilaian. Sebarang kerugian kemerosotan dianggap sebagai kurangan penilaian hingga ke tahap lebihan penilaian yang diiktiraf terdahulu bagi aset tersebut.

**e) Inventori**

Inventori koperasi adalah nilai mengikut kos belian atau harga pasaran yang mana terendah dan telah disahkah oleh koperasi.

**f) Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai termasuk deposit tetap, wang di bank dan di tangan yang mempunyai kecairan yang tinggi dan risiko perubahan dalam nilai yang rendah. Bagi tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta deposit tetap.

**g) Pengiktirafan Pendapatan**

Hasil diiktiraf apabila berkemungkinan bahawa faedah ekonomi berkaitan dengan urusniaga akan mengalir masuk kepada koperasi dan jumlah hasil boleh dikira secara munasabah.

**i) Pendapatan Sewa**
Pendapatan sewa diiktiraf mengikut jangka masa premis diduduki atau didiami.

**ii) Jualan Barangan**
Hasil berkaitan jualan barangan diiktiraf sebagai pendapatan apabila barangan dihantar kepada pelanggan. Hasil ini juga diiktiraf bersih daripada cukai jualan dan diskaun ke atas pemindahan risiko dan ganjaran kepada pembeli.

**iii) Dividen**

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerimanya telah ditentukan

**iv) Faedah Bank**

Pendapatan faedah dikenalpasti atas asas tunai

**h) Geran/Bantuan**

Pengiktirafan geran/bantuan yang diterima adalah berdasarkan GP8:Garisan Panduan Mengenai Perakaunan Untuk Geran/Bantuan.

**i) Manfaat pekerja**

Manfaat jangka pendek

Gaji, bonus dan lain-lain manfaat jangka pendek diakrukan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan kepada kakitangan koperasi.

Pelan caruman wajib

Koperasi dikehendaki membuat caruman kepada skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") dan PERKESO. Caruman ini akan diiktiraf sebagai belanja di Akaun Untung Rugi secara akruan.

**j) Penghutang Perdagangan dan Penghutang Lain**

Penghutang perdagangan dan penghutang lain dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Polisi membuat peruntukan akan dibuat untuk hutang ragu/lapuk berasaskan kepada semakan jumlah dan tempoh tertunggak pada akhir tahun kewangan.

**k) Pemiutang Perdagangan dan Pemiutang Lain**

Pemiutang perdagangan dan pemiutang lain dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

**KOPERASI PESERTA FELCRA KAWASAN SARATOK BERHAD**
*(Didaftarkan Di Malaysia Di Bawah Akta Koperasi 1993)*
**SAMBUNGAN POLISI DAN NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| **NOTA 5 : HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN** | | |
| *Rujuk Lampiran A yang disertakan* | | |
| **NOTA 6 : ASET GERAN / BANTUAN** | | |
| **Kos / Nilai (Bangunan Wadira Food Court)** | | |
| Baki pada awal tahun | 30,421.00 | 30,421.00 |
| **Tambah** : Dalam tahun semasa | - | - |
| Baki pada akhir tahun | 30,421.00 | 30,421.00 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | |
| Baki pada awal tahun | 15,844.27 | 14,323.22 |
| **Tambah** : Dalam tahun semasa | 1,521.05 | 1,521.05 |
| Baki pada akhir tahun | 17,365.32 | 15,844.27 |
| **Nilai Buku Bersih Pada Akhir Tahun** | **13,055.68** | **14,576.73** |
| **NOTA 7 : PELABURAN SYER TAK SIAR HARGA** | | |
| Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad | **10,000.00** | **10,000.00** |
| **NOTA 8 : INVENTORI** | | |
| Stok Akhir Aktiviti Pengguna Lain | **12,653.97** | **11,290.97** |
| **NOTA 9 : PENGHUTANG PERDAGANGAN** | | |
| Baki pada awal tahun | 100,426.63 | - |
| **Tambah** : Dalam tahun semasa | - | 74,050.23 |
| **Tambah** : Pelarasan | 13,457.38 | 26,376.40 |
| | 113,884.01 | 100,426.63 |
| **Tolak** : Bayaran tahun semasa | (81,926.63) | - |
| **Baki pada akhir tahun** | **31,957.38** | **100,426.63** |
| ***Penghutang Perdagangan diwakili oleh :-*** | | |
| ***FELCRA SARATOK KAWASAN SARATOK*** | | |
| 1. Angkut BTS | 10,557.38 | 8,141.73 |
| 2. Tuai BTS | - | 31,889.70 |
| 3. Kerja-Kerja Am | - | 21,148.80 |
| ***FELCRA BERHAD*** | | |
| 1. Wang Tahanan Kerja Kontrak Felcra | 2,030.00 | 2,030.00 |
| ***FELCRA URUS ESTET BERHAD*** | | |
| 1. Bekal Tenaga Kerja Asing | - | 10,200.00 |
| 2. Bekal Peralatan Kerja Ke Ladang | - | 7,174.72 |
| 3. Bekal Makanan Dan Alatan Tenaga Kerja Asing | - | 3,371.68 |

| | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|
| ***Sambungan Penghutang Perdagangan*** | | |
| ***PENYEWA GERAI WFC*** | | |
| 1. Razis Bin Idris | 1,600.00 | 1,600.00 |
| 2. Sabariah Binti Udin | 900.00 | 900.00 |
| 3. Zulkifli Bin Udin | 2,350.00 | 2,350.00 |
| 4. Mary Kertini Binti Dandan | 900.00 | 900.00 |
| 5. Madini Binti Hassa | 1,370.00 | 1,370.00 |
| 6. Ilham D'Lazat | 350.00 | 350.00 |
| 7. Kamarulzaman Bin Sulaiman | 700.00 | - |
| ***PENYEWA BANGUNAN*** | | |
| 1. Ah Miew Car Services (Tingkat Bawah) | 3,600.00 | 3,600.00 |
| 2. Fadli Bin Othman | 300.00 | 300.00 |
| 3. Imie Bin Sepaki | 2,100.00 | 2,100.00 |
| 4. Zakaria Bin Morshidi | 2,300.00 | 2,300.00 |
| 5. Norshuhadah Binti Ahmad Zaidi | 700.00 | 700.00 |
| 6. Phang Wee Khion | 1,000.00 | - |
| 7. Wan Soon Teck Enterprise | 1,000.00 | - |
| 8. Nasriq Enterprise | 200.00 | - |
| | **31,957.38** | **100,426.63** |

## NOTA 10 : ASET KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| Bank Kerjasama Rakyat Berhad : 33-102-104347-3 | **13,624.55** | **50,532.31** |

## NOTA 11 : PELBAGAI PENGHUTANG

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| Baki awal tahun | 13,000.00 | 74,055.90 |
| **Tambah** : Dalam tahun semasa | 10,731.00 | - |
| **Tambah** : Pelarasan | 1,800.00 | (26,575.88) |
| | 25,531.00 | 47,480.02 |
| **Tolak** : Bayaran tahun semasa | (2,800.00) | (34,480.02) |
| **Tolak** : Pelarasan | - | - |
| **Baki pada akhir tahun** | **22,731.00** | **13,000.00** |
| ***Pelbagai Penghutang diwakili oleh :-*** | | |
| 1. *Deposit SESCO-WFC* | 1,300.00 | 1,300.00 |
| 2. *Deposit SESCO-Bangunan 3 Tingkat* | 4,200.00 | 4,200.00 |
| 3. *Deposit SESCO-KPR Laundry* | 3,700.00 | 3,700.00 |
| 4. *Deposit Penyewa Bangunan Belum Dibayar* | 1,500.00 | - |
| 5. *Felcra Kawasan Saratok Berhad-Roto Slasher* | 1,000.00 | 3,800.00 |
| 6. *Pendahuluan Sewa Angkut TKI (Felcra Sibu)* | 8,700.00 | - |
| 7. *Wang Cagaran Prestasi (Felcra Berhad)* | 2,331.00 | - |
| | **22,731.00** | **13,000.00** |

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|

**NOTA 12 : WANG DI BANK**

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| Bank Kerjasama Rakyat Berhad - 1100982973 | 7,829.06 | 1,177.62 |
| Hong Leong Bank Berhad - 07800012796 | 97,235.79 | 2,414.47 |
| | **105,064.85** | **3,592.09** |

**NOTA 13 : WANG DI TANGAN**

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| Bendahari | **6,212.70** | **3,393.30** |

**NOTA 14 : MODAL SYER ANGGOTA**

| | Bil. Anggota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Baki awal tahun | 600 | 448,705.00 | 448,705.00 |
| **Tambah** : Dalam tahun semasa | 0 | - | - |
| | 600 | 448,705.00 | 448,705.00 |
| **Tolak** : Bayaran tahun semasa | 0 | - | - |
| **Tambah/Tolak** : Pelarasan | 0 | - | - |
| **Baki pada akhir tahun** | **600** | **448,705.00** | **448,705.00** |

Sebanyak 60 surat pengesahan baki modal syer telah diedarkan kepada anggota-anggota untuk mengesahkan jumlah baki syer pada 31 Disember 2022. Nilai yang diedarkan adalah RM44,870.50 iaitu 10% daripada jumlah modal syer anggota.

| Keputusan edaran tersebut adalah seperti berikut : | 2022 | |
|---|---|---|
| | **Bil. Anggota** | **Nilai [ RM ]** |
| Anggota yang mengesahkan | 9 | 6,370.00 |
| Anggota yang tidak mengesahkan | 51 | 38,500.50 |
| Peratus kejayaan dari jumlah edaran dan jumlah besar | **15%** | **14%** |

**NOTA 15 : KUMPULAN WANG / TABUNG ANGGOTA**

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| **Kumpulan Wang / Tabung Latihan** | | |
| Baki awal tahun | 18,500.00 | 18,500.00 |
| Pindahan dari Akaun Pembahagian | - | - |
| | 18,500.00 | 18,500.00 |
| **Tolak** : Bayaran tahun semasa | (4,482.90) | - |
| **Baki pada akhir tahun** | **14,017.10** | **18,500.00** |

| | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|
| **Kumpulan Wang / Tabung Kebajikan** | | |
| Baki awal tahun | 18,500.00 | 18,500.00 |
| Pindahan dari Akaun Pembahagian | - | - |
| | 18,500.00 | 18,500.00 |
| **Tolak** : Bayaran tahun semasa | (7,000.00) | - |
| **Baki pada akhir tahun** | **11,500.00** | **18,500.00** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **25,517.10** | **37,000.00** |

## NOTA 16 : KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| Baki awal tahun | 85,787.02 | 85,787.02 |
| Pindahan dari Akaun Pembahagian | 430.83 | - |
| | 86,217.85 | 85,787.02 |
| **Tolak** : Bayaran tahun semasa | - | - |
| **Tambah/Tolak** : Pelarasan | - | - |
| **Baki pada akhir tahun** | **86,217.85** | **85,787.02** |

## NOTA 17 : GERAN / BANTUAN

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| **Baki awal tahun** | 30,421.00 | 30,421.00 |
| Tambahan Dalam Tahun | - | - |
| | 30,421.00 | 30,421.00 |
| Kurangan Dalam Tahun | (17,365.32) | (15,844.27) |
| **Baki pada akhir tahun** | **13,055.68** | **14,576.73** |

**Jumlah Geran Bantuan daripada Felcra Berhad sebanyak RM30,421.00 bagi membaikpulih bangunan Wadira Food Court (WFC).*

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| **Baki awal tahun** | - | - |
| Tambahan Dalam Tahun | 72,000.00 | - |
| | 72,000.00 | - |
| Kurangan Dalam Tahun | - | - |
| **Baki akhir tahun** | **72,000.00** | **-** |

**Jumlah Geran Bantuan daripada Felcra Berhad sebanyak RM12,000.00 dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TRANSFER) RM60,000.00 bagi membaikpulih mesin dobi serta menaiktaraf kedai dobi.*

**KOPERASI PESERTA FELCRA KAWASAN SARATOK BERHAD**

*(Didaftarkan Di Malaysia Di Bawah Akta Koperasi 1993)*

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

## NOTA 18 : PINJAMAN JANGKA PANJANG

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| Baki awal tahun | 515,828.94 | 546,300.43 |
| Pelarasan | - | 49,111.31 |
| Faedah belum matang awal tahun | 48,245.34 | - |
| | 564,074.28 | 595,411.74 |
| **Tolak** : Bayaran dalam tahun | (62,674.92) | (31,337.46) |
| Faedah belum matang akhir tahun | (38,411.40) | (48,245.34) |
| **Baki pada akhir tahun** | **462,987.96** | **515,828.94** |
| Pinjaman dalam tempoh 12 bulan | (53,907.52) | (52,840.98) |
| | **409,080.44** | **462,987.96** |

| | |
|---|---|
| *Sumber Pinjaman* | *: Suruhanjaya Kperasi Malaysia (TMP-JPK)* |
| *Amaun Pinjaman* | *: RM800,000.00* |
| *Kadar Faedah* | *: 2%* |
| *Tempoh Pinjaman* | *: 177 Bulan* |
| *Abayaran Bulanan* | *: RM5,222.91* |
| *Ansuran Pertama* | *: Mei 2015* |
| *Tujuan Pinjaman* | *: Pembelian Bangunan* |

## NOTA 19 : PEMIUTANG PERDAGANGAN

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| Baki awal tahun | 60,997.21 | - |
| **Tambah** : Dalam tahun semasa | 7,313.80 | 58,507.21 |
| **Tambah** : | - | 2,490.00 |
| | 68,311.01 | 60,997.21 |
| **Tolak** : Bayaran dalam tahun semasa | (68,311.01) | - |
| **Baki akhir tahun** | **-** | **60,997.21** |

***Pemiutang Perdagangan diwakili oleh :-***

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| ***SHARIFAH NUUR QHALIDA BT WAN AZMAN*** | | |
| 1. Tuai BTS | - | 31,502.91 |
| 2. Kerja-Kerja Am | - | 20,848.80 |
| Ing Li Enterprise | - | 2,556.00 |
| Kim Guan Siang Sdn Bhd | - | 3,185.50 |
| ALX Computer Technology Sdn Bhd | - | 414.00 |
| Pemiutang Perkhidmatan WFC | - | 990.00 |
| Gaji Angkut Belum Bayar | - | 1,500.00 |
| | **-** | **60,997.21** |

| | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|

## NOTA 20 : FI AUDIT SURUHANJAYA

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| Baki awal tahun | 4,800.00 | 3,400.00 |
| **Tambah** : Dalam tahun semasa | 1,400.00 | 1,400.00 |
| | 6,200.00 | 4,800.00 |
| **Tolak** : Bayaran tahun semasa | (3,100.00) | - |
| **Baki pada akhir tahun** | **3,100.00** | **4,800.00** |

## NOTA 21 : DIVIDEN ATAS MODAL SYER

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| Baki awal tahun | 32,280.50 | 32,280.50 |
| **Tambah** : Dicadangkan tahun semasa | - | - |
| **Tambah** : Pelarasan | - | - |
| | 32,280.50 | 32,280.50 |
| **Tolak** : Bayaran tahun semasa | - | - |
| **Baki pada akhir tahun** | **32,280.50** | **32,280.50** |

***Dividen terdiri :-***

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| Dividen belum dibayar tahun 2017 | 29,870.50 | 29,870.50 |
| Dividen belum dibayar tahun 2016 | 2,410.00 | 2,410.00 |
| | **32,280.50** | **32,280.50** |

## NOTA 22 : PELBAGAI PEMIUTANG

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| Baki awal tahun | - | 7,590.00 |
| **Tambah** : Dalam tahun semasa | 4,050.00 | - |
| **Tambah** : Pelarasan | 1,500.00 | (7,590.00) |
| | 5,550.00 | - |
| **Tolak** : Bayaran tahun semasa | - | - |
| **Tolak** : Pelarasan | - | - |
| **Baki pada akhir tahun** | **5,550.00** | **-** |

***Pelbagai Pemiutang diwakili oleh :-***

***DEPOSIT PENYEWA WFC***

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| 1. Kaha Bin Hasan | 350.00 | - |
| 2.Norhayati Bt Abdullah @ Agnes Riai Ak Esau | 400.00 | - |
| 3.Mary Kertini Bt Dandan | 400.00 | - |
| 4.Sabariah Bt Udin | 400.00 | - |
| 5.Kamarulzaman Bin Sulaiman | 350.00 | - |
| 6.Zulkifli Bin Udin | 400.00 | - |
| 7.Razis Bin Idris | 350.00 | - |
| 8.Madini Bin Hassan | 400.00 | - |
| 9.Muhammad Azizi Bin Melati | 400.00 | - |

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| ***Sambungan Pelbagai Pemiutang*** | | |
| ***DEPOSIT PENYEWA BANGUNAN*** | | |
| 1. Nasriq Enterprise | 300.00 | - |
| 2. Panji Kenyalang Enterprise | 300.00 | - |
| 3. Ajis Bin Nyasar | 300.00 | - |
| 4. Wahid Bin Taiben | 300.00 | - |
| 5. Norsuhadah Binti Ahad Zaidi | 300.00 | - |
| 6. Melvin Anak Mawa | 300.00 | - |
| 7. Fadli Bin Othman | 300.00 | - |
| | **5,550.00** | **-** |

**NOTA 23 : AKTIVITI KONTRAK**

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| ***PENDAPATAN*** | | |
| Angkut BTS | 160,054.97 | 140,498.93 |
| Kerja Am Ladang | 325,297.96 | 169,534.30 |
| Memaras Jalan Pertanian | 72,471.00 | - |
| Tuai BTS | 334,639.39 | 322,248.42 |
| | 892,463.32 | 632,281.65 |
| ***PERBELANJAAN*** | | |
| Kos Angkut BTS | 97,418.68 | 91,088.81 |
| Kos Kerja Am Ladang | 322,297.96 | 188,330.60 |
| Kos Memaras Jalan Pertanian | 62,475.00 | - |
| Kos Tuai BTS | 330,518.52 | 318,837.45 |
| | 812,710.16 | 598,256.86 |
| ***Untung / (Rugi) Aktiviti Kontrak*** | **79,753.16** | **34,024.79** |

**NOTA 24 : AKTIVITI PENGANGKUTAN**

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| ***PENDAPATAN*** | | |
| Sewa Angkut TKI | 70,100.00 | 61,500.00 |
| Sewa Jentera | 3,840.00 | - |
| | 73,940.00 | 61,500.00 |
| ***PERBELANJAAN*** | | |
| Kos Sewa Angkut | 67,600.00 | 59,250.00 |
| Kos Sewa Jentera | 3,790.00 | - |
| | 71,390.00 | 59,250.00 |
| ***Untung / (Rugi Aktiviti Pengangkutan*** | **2,550.00** | **2,250.00** |

**KOPERASI PESERTA FELCRA KAWASAN SARATOK BERHAD**
*(Didaftarkan Di Malaysia Di Bawah Akta Koperasi 1993)*
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|

## NOTA 25 : AKTIVITI PERKHIDMATAN

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| ***PENDAPATAN*** | | |
| KPR Laundry | 2,222.00 | 1,941.75 |
| Sewa Bangunan | 10,200.00 | 15,900.00 |
| | 12,422.00 | 17,841.75 |
| ***PERBELANJAAN*** | | |
| Gas LPG Laundry | 174.00 | - |
| Kos KPR Laundry | 43.90 | 406.10 |
| Utiliti KPR Laundry | 709.00 | 457.50 |
| Utiliti Bangunan | 1,086.60 | 10.05 |
| | 2,013.50 | 873.65 |
| ***Untung / (Rugi) Aktiviti Perkhidmatan*** | **10,408.50** | **16,968.10** |

## NOTA 26 : AKTIVITI PELABURAN

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| ***PENDAPATAN*** | | |
| Dividen KPFMB | 1,050.00 | - |
| Faedah Bank Kerjasama Rakyat Berhad | 20.24 | 17.53 |
| Faedah Deposit Tetap | 712.80 | 1,830.04 |
| ***Untung / (Rugi) Aktiviti Pelaburan*** | **1,783.04** | **1,847.57** |

## NOTA 27 : AKTIVITI PENGGUNA LAIN

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| Jualan | 959,665.75 | 392,585.84 |
| **Tolak** : Kos Jualan | | |
| Stok awal | 11,290.97 | 7,949.95 |
| Belian | 647,103.61 | 286,349.34 |
| Belian Kredit | 7,313.80 | 5,741.50 |
| | 654,417.41 | 292,090.84 |
| Tolak : Stok Akhir | (12,653.97) | (11,290.97) |
| Kos Jualan | 653,054.41 | 288,749.82 |
| Untung / (Rugi) Kasar | **306,611.34** | **103,836.02** |
| **Tambah** : Pendapatan Lain | | |
| Katering | 2,285.20 | - |
| Sewa Gerai WFC | 61,562.00 | 37,895.00 |
| | **63,847.20** | **37,895.00** |

**KOPERASI PESERTA FELCRA KAWASAN SARATOK BERHAD**

*(Didaftarkan Di Malaysia Di Bawah Akta Koperasi 1993)*

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|
| ***Sambungan Aktiviti Pengguna Lain*** | | |
| **Tolak** : Perbelanjaan Lain | | |
| Gaji Pekerja WFC | 163,726.82 | 68,657.42 |
| Gas LPG | 10,118.00 | 6,052.00 |
| Insentif | 1,300.00 | - |
| KWSP | 28,961.00 | 17,548.00 |
| Lesen WFC | - | 122.00 |
| Pendahuluan Pekerja WFC | 41,150.00 | 15,650.00 |
| Pembaikan & Selenggaraan WFC | 6,980.40 | 11,219.30 |
| Pelbagai Belanja | 661.35 | 1,811.00 |
| PERKESO | 1,967.20 | - |
| Utiliti WFC | 19,787.20 | 12,298.60 |
| | **274,651.97** | **133,358.32** |
| ***Untung / (Rugi) Aktiviti Pengguna Lain*** | **95,806.57** | **8,372.70** |

**NOTA 28 : PELBAGAI PENDAPATAN**

| | 2022 | 2021 |
|---|---|---|
| PERKESO-Subsidi Upah | 26,400.00 | 50,400.00 |
| Pelbagai Pendapatan | 600.00 | 2,000.00 |
| Pendapatan Geran Tertangguh | 1,521.05 | 1,521.05 |
| | **28,521.05** | **53,921.05** |

**NOTA 29 : PERBELANJAAN LEMBAGA**

| | 2022 | 2021 |
|---|---|---|
| Belanja Mesyuarat ALK | - | 1,050.00 |
| ***Elaun Khas ALK*** | | |
| 1. Haji Kanchil Bin Andong-Pengerusi | 2,400.00 | - |
| 2. Mohamad Salam Bin Abu Bakar-Setiausaha | 2,400.00 | - |
| 3. Haji Hossin Bin Sulaiman-Bendahari | 2,400.00 | - |
| ***Elaun Mesyuarat ALK*** | | |
| 1. Haji Kanchil Bin Andong-Pengerusi | 1,250.00 | 100.00 |
| 2. Mohamad Salam Bin Abu Bakar-Setiausaha | 750.00 | 100.00 |
| 3. Haji Hossin Bin Sulaiman-Bendahari | 1,100.00 | 100.00 |
| 4. Haji Ajis Bin Nyasar-ALK | 750.00 | 100.00 |
| 5. John Ak Jemat-ALK | 650.00 | 100.00 |
| 6. Wahid Bin Taiben-ALK | 750.00 | 100.00 |
| 7. Nasir Bin Manap-ALK | 600.00 | 100.00 |
| 8. Abdul Wahab Bin Samsu-ALK | 750.00 | 100.00 |
| 9. Kiprawi Bin Haji Jelani | 650.00 | - |
| | **14,450.00** | **1,850.00** |

| | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|
| **NOTA 30 : BELANJA MESYUARAT AGUNG** | | |
| Mesyuarat Agung Tahunan | **9,850.00** | **9,836.20** |
| **NOTA 31 : GAJI DAN PERBELANJAAN KAKITANGAN** | | |
| Gaji | 38,675.95 | 48,679.30 |
| KWSP | 14,934.00 | 7,065.00 |
| PERKESO | 2,165.30 | 2,853.90 |
| Sewa Rumah | 1,200.00 | 5,200.00 |
| | **56,975.25** | **63,798.20** |
| **NOTA 32 : PELBAGAI PERBELANJAAN** | | |
| Alatulis & Percetakan | 6,943.70 | 4,283.85 |
| Astro | 1,050.00 | 1,182.20 |
| Alat Pemadam Api | 500.00 | 480.00 |
| Autocount | 1,500.80 | - |
| Caj Bank | 144.55 | 70.20 |
| Cukai Pintu | 1,752.25 | - |
| Caj Telefon | 1,050.00 | 1,470.77 |
| Cukai Premium | 25,005.00 | - |
| Insurans | 2,199.70 | 2,199.70 |
| Kelengkapan Barang Elektrik | 3,253.20 | 1,259.00 |
| Kelengkapan Dapur | 11,220.25 | 2,826.00 |
| Kelengkapan Pejabat | 2,080.00 | 389.00 |
| Keraian | 1,601.70 | 4,343.00 |
| Papantanda | 833.00 | 890.00 |
| Pelbagai Belanja | 2,927.39 | 1,502.00 |
| Perubatan | - | 640.00 |
| Pembaikan Pejabat Koperasi | - | 260.00 |
| Penginapan | 867.00 | - |
| Sumbangan | 600.00 | 1,000.00 |
| Utiliti | 1,528.30 | 4,070.25 |
| Yuran | 255.00 | 620.00 |
| | **65,311.84** | **27,485.97** |
| **NOTA 33 : PELARASAN OPERASI** | | |
| Penghutang Terkurang Ambilkira | - | 0.52 |
| Sewaan Bangunan Tingkat 2 Terlebih Ambilkira | - | (5,200.00) |
| Belian Kredit Terlebih Ambilkira | - | (24,976.35) |
| | **-** | **(30,175.83)** |

## NOTA 34 : PELARASAN BUKAN OPERASI

| | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|
| Aset Terkurang Ambilkira | - | 4,449.22 |
| Pelbagai Penghutang Terkurang Ambilkira -Roto Sla | - | 5,000.00 |
| Deposit Gerai WFC & Bangunan Terlebih Ambilkira | - | 5,100.00 |
| Faedah Bank Terkurang Ambilkira | - | 1.47 |
| Pindahan Akaun Tertunggak TMP-JPK | - | 4,444.34 |
| | **-** | **18,995.03** |

## NOTA 35 : ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan tertentu di dalam akaun telah disusun semula untuk disesuaikan dengan persembahan akaun tahun ini dengan tidak memberi apa-apa kesan ke atas kedudukan akaun tahun berkenaan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**5 HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN 2022**

| JENIS ASET | | KOS / NILAI | | | | Kadar | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | Nilai |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Baki Awal | Tambahan/ Pelarasan | Jualan/Lupus /Pelarasan | Baki Akhir | % | Baki Awal | S/Nilai Tahun Ini | Jualan/ Hapus | Baki Akhir | Buku Bersih |
| BANGUNAN | | 1,089,558.80 | - | - | 1,089,558.80 | 5% | 202,710.52 | 25,977.94 | - | 228,688.46 | 860,870.34 |
| KOMPUTER | | 33,375.20 | - | - | 33,375.20 | 20% | 28,469.20 | 1,635.00 | - | 30,104.20 | 3,271.00 |
| ASET-ASET LAIN | | 351,250.74 | - | - | 351,250.74 | 20% | 214,818.43 | 28,995.07 | - | 243,813.50 | 107,437.24 |
| **JUMLAH** | | **1,474,184.74** | **-** | **-** | **1,474,184.74** | | **445,998.15** | **56,608.01** | **-** | **502,606.16** | **971,578.58** |

**5 HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN 2021**

| JENIS ASET | Tahun | KOS / NILAI | | | | Kadar | SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | Nilai |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Dibeli | Baki Awal | Tambahan | Jualan/Lupus /Pelarasan | Baki Akhir | % | Baki Awal | S/Nilai Tahun Ini | Jualan/ Hapus | Baki Akhir | Buku Bersih |
| BANGUNAN | | 1,089,558.80 | - | - | 1,089,558.80 | 5% | 176,732.58 | 25,977.94 | - | 202,710.52 | 886,848.28 |
| KOMPUTER | | 33,375.20 | - | - | 33,375.20 | 20% | 31,283.42 | 1,635.00 | 4,449.22 | 28,469.20 | 4,906.00 |
| ASET-ASET LAIN | | 351,250.74 | - | - | 351,250.74 | 20% | 185,816.36 | 29,002.07 | - | 214,818.43 | 136,432.31 |
| **JUMLAH** | | **1,474,184.74** | **-** | **-** | **1,474,184.74** | | **393,832.36** | **56,615.01** | **4,449.22** | **445,998.15** | **1,028,186.59** |